

06 AUG 2001

Mahathir-ISA

UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN ELAK HURA HARA

LUMUT, 6 Ogos (Bernama) -- Undang-undang pencegahan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bertujuan mengelak berlakunya keadaan hura-hara dan kacau-bilau yang boleh membantutkan pembangunan pesat di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata ISA adalah satu contoh undang-undang pencegahan untuk mengelakkan sesuatu keadaan buruk yang boleh berlaku akibat jenayah yang bakal dilakukan seperti demonstrasi jalanan dan reformasi.

Katanya selain undang-undang untuk orang yang bersalah, Malaysia juga ada undang-undang pencegahan dan ianya bertujuan menjaga keselamatan negara dari dicemari oleh anasir-anasir yang tidak baik.

"Ada orang luar yang berkata undang-undang pencegahan ini tidak adil kerana seseorang itu belum lagi melakukan jenayah, tapi kalau kita tunggu sehingga jenayah tersebut dilakukan, bukan sahaja ada orang yang menjadi mangsa tetapi masalah tersebut mungkin tidak dapat dibendung lagi," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan warga pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut di sini.

Katanya sebelum perkara yang tidak diinginkan terjadi, tindakan perlu diambil dan kerana itu, mereka yang disyaki terlibat ditahan untuk mencegah mereka daripada melakukan jenayah.

Perdana Menteri berkata banyak negara membangun tidak mampu melaksanakan pembangunan dengan baik kerana rakyat mereka memberontak dan merusuh sehingga wang yang sepatutnya dibelanjakan untuk pembangunan terpaksa digunakan untuk keselamatan dalam negeri masing-masing.

"Untuk kekalkan keamanan, kita perlu mencegah rusuhan dan jika rusuhan sudah berlaku, jika baru hendak mula mencegah, kita tidak akan memberikan hasil yang baik.

"ISA mesti digunakan untuk mereka yang mahu menghuru-harakan dan melakukan keganasan di negara ini. Kerajaan mempunyai bukti sebelum bertindak. Apakah kita harus tunggu sehingga tiada keamanan baru tindakan diambil untuk hentikannya?" kata Dr Mahathir.

Beliau berkata bahawa baru-baru ini ada puak-puak tertentu yang mendapatkan latihan kententeraan di luar negara dan kembali ke Malaysia untuk menjatuhkan kerajaan.

"Kerajaan terpaksa ambil tindakan awal untuk elakkan masalah," katanya.

"Sebab itu negara kita aman. Jika tiada undang-undang ini, negara kita tidak akan aman," katanya.

Menurut Perdana Menteri, ada orang-orang luar berkata Malaysia tidak demokratik kerana mengambil tindakan terhadap seseorang itu tanpa dibicarakan.

"Di Palestin pun ada juga undang-undang pencegahan. Israel hendak mencegah serangan orang Palestin, mereka tidak tangkap orang Palestin sebaliknya melancarkan serangan roket terhadap orang yang disyaki akan menyerang mereka (walaupun) orang ini belum melakukan jenayah atau serangan lagi," katanya.

Di Malaysia, undang-undang pencegahan hanya memasukkan seseorang itu ke dalam tahanan dan mereka dibenarkan berjumpa keluarga mereka di samping diberi makanan yang cukup.

"Tetapi Israel membunuh orang yang dijangka bakal melancarkan serangan terhadap mereka. Ini pula dihalalkan oleh sebuah kerajaan yang kuat di dunia," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia harus sedar tentang pentingnya

undang-undang pencegahan ini kerana undang-undang inilah yang membolehkan negara menjadi aman dan tenteram.

"Jika tidak kerana undang-undang ini kita tidak dapat hidup selesa dan dapat segala kemudahan yang ada," katanya.

-- BERNAMA

KAY AR MAI